

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

PROSEDUR KERJA SENARAI SEMAK PEMBAYARAN

TAJUK : ELAUN WARDEN ASRAMA

TARIKH UBAHSUAI : 31 DISEMBER 2018

MUKA SURAT : 1/5

Bil	Perkara	Maklumat Perlu Disemak	Rujukan
	Elaun Warden Asrama	<p><u>WARDEN ASRAMA</u></p> <p>Pegawai yang bertanggungjawab terhadap kemasukan penghuni-penghuni asrama, disiplin asrama dan menentukan penghuni-penghuni mematuhi peraturan-peraturan asrama.</p> <p>1.0 Pastikan permohonan tuntutan Elaun Warden Asrama diterima dan dokumen sokongan berikut disertakan.</p> <p>1.1 Borang Kew. 8 1.2 Kelulusan Lantikan Warden (Borang Lantikan Warden) 1.3 Salinan Kad Pengenalan</p> <p>2.0 Semak bulan dan tahun kewangan, jika bukan tahun semasa pastikan Sijil AP58(a) disertakan & memenuhi syarat berikut</p> <p>2.1 tuntutan hendaklah di bayar dalam tahun kewangan kelulusan AP58(a) di terima.</p> <p>2.2 baki peruntukan dalam tahun kewangan perbelanjaan itu kena bayar dan baki peruntukan semasa adalah mencukupi</p> <p>Sekiranya permohonan AP58(a) ditolak oleh Pejabat Perakaunan disebabkan alasan kelewatan pembayaran tidak memuaskan atau terdapat keraguan, permohonan hendaklah dikemukakan kepada Ketua Setiausaha Perbendaharaan melalui Kementerian untuk mendapatkan kelulusan khas.</p>	<p>SPP KPM Bil. 3/1997 (Bertarikh 22 Julai 1997)</p> <p>Arahan Perbendaharaan 58(a)</p>

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

PROSEDUR KERJA SENARAI SEMAK PPEMBAYARAN

TAJUK : ELAUN WARDEN ASRAMA

RUJUKAN DOKUMEN : 31 DISEMBER 2018

MUKA SURAT : 2/5

Bil	Perkara	Maklumat Perlu Disemak	Rujukan
	Elaun Warden Asrama	<p>2.0 Peraturan-peraturan Lantikan Warden / Ketua Warden merangkumi:-</p> <p>Bilangan Warden Asrama Sekolah/ Maktab/ Politeknik:</p> <ol style="list-style-type: none"> a. Asrama Murid Biasa – Seorang Warden bagi setiap 50 murid. b. Asrama Murid Cacat – Seorang Warden bagi setiap 20 murid. c. Contoh (Murid Biasa) - Sekiranya sesebuah asrama mempunyai 190 murid, warden yang layak dilantik secara rasmi adalah 3 orang. <p>Asrama yang mempunyai tidak kurang dari 5 orang warden maka salah seorang bolehlah dilantik sebagai Ketua Warden.</p> <ol style="list-style-type: none"> c) Pegawai yang layak dilantik Warden Asrama <ol style="list-style-type: none"> a. Keutamaan kepada anggota akademik seperti Guru atau Pensyarah. b. Jika tiada calon dari kalangan mereka, maka anggota bukan akademik boleh dicadangkan dengan syarat tidak menjejaskan pelaksanaan tugas mereka. d) Kuasa Meluluskan Permohonan <ol style="list-style-type: none"> a. Permohonan lantikan Warden / Ketua Warden Asrama bolehlah diluluskan oleh Ketua Jabatan masing-masing: <ol style="list-style-type: none"> i. Asrama bagi sekolah-sekolah Berasrama Penuh dan 	<p>SPP KPM Bil. 3/1997 (Bertarikh 22 Julai 1997)</p> <p>Sila nyatakan pengiraan bagi tuntutan bayaran perumahan khas</p>

		<p>Sekolah Pendidikan Khas - Kuasa meluluskan ialah Pengarah Bahagian.</p> <p>ii. Bahagian Sekolah-sekolah Asrama Politeknik dan Sekolah Teknik/Vokasional - Kuasa meluluskan Pengarah Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional.</p> <p>iii. Sekolah-sekolah Harian Berasrama - Kuasa meluluskan ialah Pengarah Pendidikan Negeri.</p> <p>e) Kadar Bayaran Elaun Warden</p> <p>a. Elaun Ketua Warden Asrama - RM280.00 sebulan.</p> <p>b. Elaun Warden Asrama - RM240.00 sebulan.</p> <p>c. Jika mendiami Rumah Warden / Bilik Warden Warden yang mendiami rumah-rumah Warden atau bilik-bilik Warden diasrama adalah tidak layak menerima Imbuan Tetap Perumahan tetapi layak dibayar Bayaran Perumahan Khas. (Rujuk Tatacara Bayaran Perumahan Khas)</p>	
--	--	---	--

BORANG LANTIKAN WARDEN
(Diisi dalam 4 salinan)

BAHAGIAN I (diisi oleh Pegawai Yang Dicadangkan)

1. Nama :
2. Nombor kad Pengenalan :
3. Gelaran Jawatan Sekarang :

Saya bersetuju untuk dilantik sebagai Warden/Ketua Warden berkuatkuasa mulai dengan menerima bayaran elaun atas kadar RM280.00/RM240.00 sebulan. Saya berjanji pelaksanaan tugas Warden/Ketua Warden nanti tidak akan menjejaskan tugas-tugas saya sekarang.

Tarikh :
.....
(Tandatangan Pegawai)

BAHAGIAN II (Diisi oleh Pengetua / Guru Besar)

Kepada Ruj. :

.....
.....
.....
.....

Saya memperakukan
dilantik sebagai Warden/Ketua warden di Asrama Sekolah/Maktab/Politeknik
mulai sehingga lantikannya ditamatkan atau beliau tidak lagi bertugas di Sekolah/Maktab/Politeknik ini.

Dengan perlantikan ini beliau layak dibayar elaun sebanyak RM
Perlantikan beliau adalah untuk menggantikan
Warden yang bertugas sebelum ini. Untuk makluman tuan asrama ini sekarang
mempunyai seramai penghuni Bersama-sama ini disertakan
Borang Kew. 32 (Pind. 5/67) untuk kelulusan tuan.

Tarikh :
(Tandatangan Guru Besar/ Pengetua)

Nama Penuh :

Jawatan :

BAHAGIAN III (Diisi Oleh Ketua Jabatan Yang Meluluskannya)

Kepada Ruj. :

.....
.....
.....
.....

Permohonan untuk melantik
sebagai Warden/Ketua Warden diluluskan / tidak diluluskan seperti perakuan di
Bahagiann II di atas.

Tarikh :
(Tandatangan Ketua Jabatan)

Nama Penuh :

Jawatan :

Cop Jabatan :